



AKADEMIK

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Bilangan 01 Tahun 2021

PELAKSANAAN KEMASUKAN PELAJAR KEMBALI KE KAMPUS DAN PENGENDALIAN KULIAH 2B BAGI SESI I 2020 / 2021

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memberi panduan tentang kemasukan pelajar kembali ke kampus Universiti Teknologi MARA (UiTM) di seluruh negara bagi semester Oktober 2020-Februari 2021 dan panduan pengendalian sesi Kuliah 2B bagi tujuan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara bersemuka (*Face-to-Face* (F2F)).

LATAR BELAKANG

2. Merujuk kepada pemakluman Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM); kenyataan media Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertarikh 2 Oktober 2020; dan Pekeliling Naib Canselor bil. 24 / 2020 mengenai penangguhan pendaftaran secara fizikal / bersemuka pelajar baharu dan lama bagi sesi I 2020 / 2021 (Oktober 2020-Feb 2021), semua pelajar dikehendaki meneruskan PdP secara *Open and Distance Learning* (ODL) bagi semua kursus yang telah didaftarkan semester ini.

3. Susulan itu, pelajar di fakulti dan UiTM cawangan yang menjalani kursus berbentuk *hands-on* telah meneruskan pengajian bagi aspek teori secara ODL terlebih dahulu. Memandangkan penularan wabak COVID-19 sukar dijangka dan kebenaran pelajar untuk kembali ke kampus adalah bergantung kepada arahan KKM dan KPT dari semasa ke semasa, keadaan ini menyukarkan pelajar dan pihak pengurusan di fakulti dan UiTM cawangan untuk meneruskan pengajian terutama bagi kursus yang mempunyai keperluan mendesak untuk melaksanakan PdP secara F2F bagi memastikan proses PdP berjalan lancar dan memenuhi hasil pembelajaran yang ditetapkan.

4. Bagi memastikan PdP pelajar tidak terjejas, Majlis Eksekutif Universiti (MEU) melalui mesyuarat bil. 37 / 2020 bertarikh 11 November 2020 telah meluluskan perancangan sesi Kuliah 2B bagi Sesi I 2020 / 2021 (Oktober 2020-Februari 2021).

PELAKSANAAN

5. Pengendalian sesi kuliah terbahagi kepada dua (2) kategori iaitu Kuliah 2A dan Kuliah 2B seperti yang diperincikan dalam jadual berikut:

Pengendalian Kuliah	Penerangan	Tempoh
Kuliah 2A	Minggu perkuliahan yang dijalankan secara ODL dan dilaksanakan oleh pelajar dari kediaman masing-masing.	07 Dis 2020-21 Feb 2021 [Rujuk Pekeliling Akademik Bil. 10 / 2020]
Kuliah 2B	Minggu perkuliahan yang dijalankan secara bersemuka iaitu <i>hands-on</i> atau F2F melibatkan aktiviti makmal, dapur, studio, lapangan, latihan klinikal dan sebagainya. Aktiviti ini dilaksanakan di dalam kampus.	04 Jan-21 Feb 2021

6. Kategori pelajar yang dibenarkan untuk mengikuti sesi Kuliah 2B adalah berikut:

Bil.	Kategori
1.	Pelajar baharu / pelajar lama mendaftar kursus yang memerlukan PdP secara F2F dan menghadapi situasi di mana pelan pengajian mereka bagi semester hadapan akan terjejas sekiranya kursus didaftarkan tidak disempurnakan dalam semester semasa.
2.	Pelajar tahun akhir mendaftar kursus yang memerlukan PdP secara F2F dan tidak boleh tamat dalam semester semasa (Sesi I 2020 / 2021) jika kursus didaftarkan tidak disempurnakan.
3.	Pelajar lama berstatus Tidak Lengkap (TL) pada semester lepas dan perlu menyempurnakan kursus semester lepas (Sesi II 2019 / 2020) yang tertangguh.
4.	Pelajar pascasiswazah yang perlu melaksanakan pengajian fasa penyelidikan.
5.	Pelajar menjalani latihan industri di dalam kampus UiTM.
6.	Pelajar menghadiri peperiksaan professional dan English Exit Test (EET).

7. Pelaksanaan sesi Kuliah 2B boleh dilaksanakan apabila [1] status kawasan / negeri kediaman semasa / asal pelajar dan [2] status di kawasan / negeri kampus asal / tumpang pelajar berdasarkan kepada keadaan dari semasa ke semasa samada dikategorikan sebagai kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD) dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Status COVID-19 di Kawasan / Negeri Kediaman Semasa / Asal Pelajar	Status COVID-19 di Kawasan / Negeri Kampus Asal / Tumpang Pelajar	Kebenaran Kembali ke Kampus (04 Jan-21 Feb 2021)
PKPP	PKPP	Dibenarkan
PKPP	PKPB	Dibenarkan
PKPB	PKPP	Dibenarkan dengan bersyarat (Rujuk Perkara 8)
PKP/PKPD	PKPP/PKPB/PKPD/PKP	Tidak Dibenarkan
PKPP/PKPB/PKPD/PKP	PKP/PKPD	Tidak Dibenarkan

8. Pelajar dari kategori PKPB dibenarkan kembali ke kampus dengan syarat:

- a. perlu membuat ujian pengesanan COVID-19 sekurang-kurangnya ujian pantas RTK Antigen di pusat kesihatan / hospital / agensi yang menawarkan khidmat tersebut dan mendapatkan keputusan ujian tiga (3) hari sebelum kembali ke kampus / lokasi sesi pembelajaran yang ditetapkan.

- b. keputusan ujian COVID-19 disahkan negatif. Pelajar dibenarkan kembali ke kampus namun perlu diasingkan di pusat isolasi dalam tempoh dan tempat yang ditetapkan oleh unit kesihatan kampus berkaitan.
 - c. perlu menanggung sendiri kos perjalanan dan ujian pengesanan. Fakulti dan UiTM cawangan boleh mempertimbangkan penyediaan bantuan kos ujian pengesanan untuk pelajar dari PKPB terutama bagi pelajar yang kurang berkemampuan.
9. Fakulti dan UiTM cawangan perlu memastikan carta alir Prosedur Operasi Standard (SOP) (rujuk lampiran 1) berkenaan proses kemasukan pelajar ke kampus diuar-uarkan, dirujuk dan dipatuhi oleh staf dan pelajar di jabatan setiap masa.
10. **Pelajar yang berstatus *Person Under Investigation* (PUI) atau yang datang dari kawasan PKP dan PKPD tidak dibenarkan kembali ke kampus atau hadir di mana-mana lokasi sesi pembelajaran dijalankan.**
11. Pergerakan keluar dan masuk pelajar yang berada di dalam kampus perlu dikawal setiap masa agar pergerakan mereka berada di tahap minimum dan mematuhi SOP yang telah ditetapkan.
12. Fakulti dan UiTM cawangan perlu memastikan pelajar melaksanakan perkara berikut tanpa gagal sepanjang mereka menetap di dalam kampus:
- a. membuat pengisytiharan benar dan sah ketika pengisian harian borang SaringC19;
 - b. mematuhi semua SOP berkenaan yang telah ditetapkan Universiti; dan
 - c. sekiranya pelajar memberi maklumat palsu atau didapati melanggar perkara-perkara di atas, pelajar berkenaan boleh dikenakan tindakan tatatertib, dan jika disabitkan kesalahan boleh dijatuhkan tindakan di bawah Peraturan Tatatertib Akta 174.
13. Fakulti dan UiTM cawangan adalah bertanggungjawab dalam memastikan maklumat di dalam pekeliling ini diuar-uarkan dengan jelas dan tepat kepada semua pihak berkepentingan di fakulti / UiTM cawangan / Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing.
14. Fakulti dan UiTM cawangan adalah bertanggungjawab dalam memastikan maklumat di dalam pekeliling ini dan semua SOP yang telah ditetapkan di peringkat Majlis Keselamatan Negara (MKN), KPT, KKM dan UiTM dikuat kuasakan dan dipatuhi setiap waktu oleh semua individu yang memasuki mana-mana kampus UiTM khususnya staf dan pelajar fakulti / UiTM cawangan / Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing.

TARIKH DIKELUARKAN

15. Pekeliling dikeluarkan pada 02 Januari 2021.

TARIKH KUAT KUASA

16. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 30 Disember 2020.



PROF. DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Dikelilingkan Kepada:

- Majlis Eksekutif Universiti
- Semua Dekan Fakulti / Akademi / Institut
- Semua Rektor UiTM Cawangan
- Semua Pengarah Pusat
- Semua Ketua Bahagian / Jabatan / Pusat / Unit

Bil. Fail : 100-HEA (6/4)
Tarikh : 02 Januari 2021
Kategori Pekeliling : Prosedur

CARTA ALIR KEMASUKAN PELAJAR KE KAMPUS UNTUK KULIAH 2B SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

Kuliah 2B adalah untuk PdP bersemuka sahaja pada 4 Jan - 21 Feb 2021 bagi Semester Oktober 2020 - Februari 2021

